

Perbahasan akidah dalam pembangunan tamadun

Oleh ZUARIDA MOHYIN

KUTUBKHANAH

ISLAM merupakan satu agama yang lengkap lagi menyeluruh. Ajarannya meliputi pelbagai aspek kehidupan sama ada berkaitan urusan duniawi dan akhirat. Kesyumulan Islam wajar diberi perhatian secara mendalam bagi memastikan pelaksanaan Islam tidak hanya terhad kepada aspek tertentu dalam kehidupan umat Islam.

Akidah tauhid merupakan asas yang menjadi kriteria utama dalam membezakan umat Islam dengan umat-umat yang lain. Akidah ini telah menjadi asas kepada pembangunan tamadun Islam sejak dari zaman Rasulullah s.a.w. hingga ke hari ini melalui peringkat perkembangan yang pelbagai.

Bertepatan dengan itu, penerbitan buku berjudul, Akidah dan Pembangunan Tamadun terbitan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bertujuan untuk melihat kepentingan akidah dalam kehidupan umat Islam dan peranannya dalam pembangunan tamadun.

Ini kerana sebahagian ahli masyarakat yang masih kurang jelas dalam melihat peranan ini malah lebih cenderung menerima ilmu akidah sebagai ilmu yang bersifat teoritikal semata-mata.

Pada masa yang sama, peranan atau nilai praktikal ilmu ini tidak terserlah dalam aktiviti kehidupan harian. Kesannya, biarpun nilai ilmu anggota masyarakat meningkat namun nilai moral atau adab mereka tidak meningkat.

Implikasi sosial daripada fenomena ini ialah ber-

Judul buku: Akidah dan Pembangunan Tamadun

Penulis: Mohd. Radhi Ibrahim

Penerbit: Universiti Islam Sains Malaysia (USIM)

Tebal: 157 muka surat

Tahun: 2006

leluasanya penyakit sosial dalam masyarakat, tersebarinya ajaran sesat dan munculnya fahaman melampau dalam akidah, yang menghalang pembangunan tamadun Islam.

Lantaran itu, perbahasan di dalam buku ini disediakan dalam bentuk yang sederhana agar kandungannya dapat dihayati pelbagai lapisan masyarakat, sekali gus berjaya menzahirkan aspek praktikal dalam akidah Islam.

Buku hasil tulisan Mohd. Radhi Ibrahim dari Fakulti Kepimpinan & Pengurusan, USIM ini mengandungi 10 artikel yang disusun berdasarkan tiga tema iaitu Akidah dan Pendidikan, Akidah dan Masyarakat serta Akidah dan Pembangunan Tamadun. Ia adalah tulisan penulis yang telah diubahsuai daripada kertas kerja seminar dan bab dalam buku.

Semoga karya sederhana ini memberi sumbangan kepada para pelajar subjek Akidah Islam dan juga anggota masyarakat pelbagai peringkat bagi memahami dan menghayati peranan akidah dalam kehidupan individu Muslim juga kaitannya dengan konsep Hadhari yang terdapat dalam Islam.

